


Sanitasi 10 sekolah menengah di Labuan

Jabatan Pendidikan selaraskan program menjelang pembukaan sekolah hari ini



LABUAN: Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah mengambil inisiatif menyelaras program sanitasi di semua sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan menjelang pembukaan sekolah pada hari ini. Program yang dilaksanakan dengan kerjasama daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Perbadanan Labuan, Jabatan Kesihatan, Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan PDRM telah dilaksanakan mulai 15 hingga semalam.


Kerjasama bersepadu ini telah diselenggarakan oleh Sektor Perancangan, Jabatan Pendidikan WP Labuan.

Menurut penyelar program Ahmad Firdaus Lee Abdullah, sebanyak 10 buah sekolah menengah telah disanitasi termasuk Kolej Vokasional Labuan.


"Program ini bertujuan memastikan tahap kebersihan dan keselamatan premis dan bangunan sekolah berada di tahap terbaik menjelang pembukaan sekolah untuk murid-murid Tingkatan 5 dan Tingkatan 6," katanya.

Pasukan sanitasi diterajui oleh Unit HAZMAT, Jabatan Bomba dan Penyelamat WP Labuan yang diketuai oleh Penolong Kanan Penguasa Bomba Azlan Talin.


Menurut Azlan, Jabatan Bomba dan Penyelamat sentiasa bersedia melaksanakan tanggungjawab bagi memastikan pandemik COVID-19 dapat dibendung sepenuhnya. Sebelum memulakan kerja-kerja sanitasi, beliau turut membuat taklimat ringkas berkaitan sanitasi sendiri yang boleh dilaksanakan pada




BINCANG: Azlan (kiri) bersama Ismail sebelum proses sanitasi dijalankan di SMK Labuan.



TAKLIMAT: Anggota bomba menyampaikan taklimat sebelum sanitasi di sekolah menengah.



PENVELARAS: Bersama penyelar program sanitasi di semua sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan Ahmad Firdaus (kiri).



TANGGA: Tangga sebuah sekolah menengah turut disanitasi bagi memastikan tahap kebersihan dan keselamatan premis sekolah.

bila-bila masa oleh mana-mana organisasi.

"Kita semua mempunyai tanggungjawab bagi memastikan COVID-19 tidak menular dalam masyarakat," katanya.

Proses sanitasi ini juga turut mendapat kerjasama yang baik daripada pihak pentadbir sekolah.

Pengguna SMK Labuan yang juga Yang Dipertua Majlis Pengerua Sekolah Menengah (MPPSM) Labuan, Ismail Abdullah mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat membantu sekolah dalam kerja-kerja sanitasi kali ini.


Behartuturut memaklumkan engan blok bilik darjah, bilik guru, bilik mesyuarat, makmal, dewan serta kemudahan lain telah disanitasi dalam program yang bermula jam 9 pagi hingga 10 pagi Sabtu lalu. Sementara itu, Pengarah

Jabatan Pendidikan Labuan Khaziyati Osman turut melahirkan rasa syukur dan mengucapkan terima kasih atas kerjasama padu pelbagai pihak dalam membantu pihak jabatan melaksanakan kerja-kerja sanitasi di sekolah kali ini.

"Apapun yang kita lakukan adalah sebenarnya demi kepentingan murid-murid di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Kita juga mahu ibu bapa yakin dan percaya bahawa kita telah mengambil langkah-langkah perlu dan proaktif demi menjaga keselamatan anak-anak mereka apabila sekolah mulai beroperasi nanti.

"Keselamatan dan kesihatan semua murid dan guru adalah keutamaan jabatan dan tidak boleh dikompromi dalam situasi pandemik COVID-19," katanya.



BERBEDA: Pentadbir sekolah menengah mendengar taklimat sanitasi oleh anggota bomba.

SANITASI: Program sanitasi dilaksanakan sebelum pembukaan sekolah menengah hari ini.